



Seorang remaja di Rancangan Tanah Belia Kampung Bukit Changgang, Sepang **meredah banjir** dengan basikal.



Anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia **mengangkut penduduk yang terbabat banjir** di Rancangan Tanah Belia Kampung Bukit Changgang, Sepang, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Sungai Langat paras bahaya

» Penduduk kawasan dilanda banjir dinasihat berjaga-jaga

Oleh Shaarani Ismail
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Paras air Sungai Langat di Bukit Changgang, Selangor melebihi paras bahaya 4.39 meter petang semalam, menurut portal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Portal itu juga melaporkan paras air di Sungai Selangor, Kuala Badong pula naik dan melebihi aras amaran 3.83 meter, manakala di Pahang, air di Empangan Rempas, Bentong naik sehingga 113.67 meter melebihi aras amaran.

Sehubungan itu, penduduk di sekitar kawasan terbabat dinasihat agar berjaga-jaga.

Menurut portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN), jum-

lah mangsa banjir di Selangor ialah 1,703 (1,280 di Kuala Langat, Sepang 423), Melaka (90 orang) dan Johor (141 orang).

1,703 penduduk dipindah

Di **Dengkil**, seramai 1,703 penduduk dipindahkan ke beberapa pusat pemindahan banjir sekitar Kuala Langat dan Sepang, berikutan paras air yang naik sehingga paras 0.5 meter selepas

hujan lebat kelmarin.

Antara yang terjejas adalah RTB Bukit Changgang membabitkan 719 mangsa yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan RTB Bukit Changgang, manakala tiga lagi di Genting Sanyen membabitkan 56 mangsa, Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Chenggang, 29 mangsa dan Dewan Bukit Tandum membabitkan 86 mangsa.

Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Bomba Kuala Langat, Mohd Norfardly Marshar Sharip, berkata hanya RTB Bukit Changgang menerima peningkatan mangsa banjir berbanding kelmarin berikutan paras air yang naik agak mendadak.